

## BAB III

### 3.0 Metodologi Penyelidikan

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan metodologi penyelidikan iaitu kaedah penyelidikan, persempelan, instrumentasi, kajian rintis dan analisa data.

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti masalah disiplin pelajar, mengenali pelajar bermasalah disiplin, mengenalpasti hubungan masalah disiplin pelajar dengan jantina, dan mengkaji hubungan masalah disiplin dengan pencapaian akademik.

#### 3.2 Persempelan


Subjek kajian ialah 80 orang pelajar remaja di tingkatan empat dan 9 orang guru iaitu 8 orang guru yang mengajar mereka dan seorang guru disiplin. Kajian ini dikendalikan di sebuah sekolah swasta yang pelajarnya terdiri daripada golongan kelas pertengahan atas. Pelajar Tingkatan Empat dipilih kerana pelajar-pelajar ini tidak terlibat dalam mana-mana peperiksaan awam. Jadi tiada gangguan pelajaran berlaku bagi mereka. Maklumat tentang latar belakang pelajar yang terlibat dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

### **Jadual 3.1**

**Frekuansi dan peratus sampel terpilih mengikut jantina.**

<b>Jantina</b>	<b>Jumlah</b> (N=80)	<b>Peratus</b> ( % )
Lelaki	52	65
Perempuan	28	35
Jumlah	80	100

Jadual 3.1 menunjukkan frekuansi dan peratus sampel terpilih mengikut jantina yang digunakan dalam kajian . Bilangan sampel dibahagikan mengikut jantina. Seramai 52 orang pelajar yang menjadi subjek kajian merupakan pelajar lelaki dan 28 orang lain merupakan pelajar perempuan. Dapatan ini juga ditunjukkan dalam graf 3.1:



Graf 3.1:Frekuansi dan peratusan sampel terpilih mengikut Jantina

### **3.3      Instrumentasi**

Dalam kajian ini maklumat tentang jenis masalah disiplin pelajar, pengkelasan pelajar mengikut tahap disiplin, dan pencapaian akademik diperlukan. Oleh itu instrumen seperti berikut telah digunakan:-

- i)      senarai semakan (check list) untuk mengenalpasti jenis masalah disiplin (rujuk lampiran 1).
- ii)     borang pengkelasan pelajar mengikut tahap disiplin (rujuk lampiran 2).
- iii)    Borang pencapaian akademik pelajar berpandukan keputusan ujian bulanan pertama tahun 2000 (rujuk lampiran 3).

#### **3.3.1    Senarai Semakan Untuk Mengenalpasti Jenis Masalah Disiplin Pelajar**

Borang semakan jenis masalah disiplin telah dihasilkan selepas diubahsuai daripada Jadual Kesalahan dan Hukuman (rujuk lampiran 4) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan supaya memenuhi kehendak kajian oleh pengkaji. Pengubahsuaian ini dilakukan untuk menyelaraskan tahap kesalahan disiplin yang sedia ada di sekolah kajian dengan mengambil kira rekod rasmi kesalahan disiplin oleh sampel di sekolah kajian.

Senarai semakan telah diedarkan kepada lapan orang guru yang mengajar sampel-sampel terpilih serta kepada guru disiplin. Sebanyak 22 item telah disenaraikan berpandukan kepada rekod rasmi disiplin sekolah kajian untuk guru-guru menanda jenis-jenis masalah disiplin yang sering dilakukan oleh pelajar. Daripada senarai semakan ini jenis masalah disiplin digolongkan kepada tiga kumpulan iaitu masalah disiplin biasa atau ringan, masalah disiplin sederhana dan masalah disiplin berat.

Sebelum senarai semakan jenis masalah disiplin diedarkan guru-guru terpilih telah diberi penerangan mengenai cara-cara untuk menjawabnya. Mereka juga telah diperingatkan supaya tidak berbincang antara satu sama lain tetapi sebaliknya jika mereka kurang faham, bolehlah bertanya kepada pengkaji.

### **3.3.2 Borang Pengkelasan Pelajar Kepada Tahap Disiplin**

Sebanyak 8 borang telah disediakan untuk diisi oleh guru-guru mata pelajaran dan satu lagi diisi oleh guru disiplin supaya dapat mengenali dan mengkelaskan pelajar yang bermasalah disiplin kepada tiga tahap disiplin iaitu tahap tidak bermasalah, jarang bermasalah, dan selalu atau sentiasa bermasalah disiplin. Mereka diminta mengisi senarai nama pelajar mengikut tahap disiplin dalam ruang yang telah disediakan. Dengan ini tahap disiplin

sampel dapat ditentukan dan senarai ini disemak daripada rekod yang diberikan oleh guru disiplin sekolah supaya tidak berlaku bias.

Data yang diperolehi daripada borang pengelasan pelajar mengikut tahap disiplin tidak bermasalah, jarang bermasalah, dan selalu atau sentiasa bermasalah akan dianalisa untuk mendapatkan peratusan pelajar bermasalah di setiap tahap. Bagi tujuan ini markah wajaran telah diberikan kepada sampel. Wajaran 1 telah diberikan kepada sampel selalu atau sentiasa bermasalah, wajaran 2 telah diberikan kepada sampel jarang bermasalah, dan wajaran 3 telah diberikan kepada sampel tidak bermasalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.2 di bawah:

Tahap disiplin	Markah Wajaran
Selalu / Sentiasa bermasalah	1
Jarang bermasalah	2
Tidak bermasalah	3

Jadual 3.2:Tahap disiplin dan markah wajaran.

Markah- markah ini akan diproses dengan memasukkannya ke dalam komputer dan dapatkan peratusan dan frekuansi bagi memudahkan penganalisaan.

### **3.3.3 Borang Pencapaian Akademik Pelajar.**

Satu borang pencapaian akademik telah diedarkan kepada guru-guru

kelas supaya mereka dapat mengisi dan mengembalikan kepada pengkaji.

Keputusan ujian bulanan pertama (Februari 2000) telah digunakan untuk mengukur tahap pencapaian akademik pelajar. Keputusan ujian ini digunakan kerana ia sesuai digunakan dan relevan bagi sampel yang telah dipilih iaitu pelajar Tingkatan Empat dan masa kajian ini dijalankan ia masih merupakan awal tahun. Maka ujian dan peperiksaan lain belum lagi dilaksanakan.

Data yang diperolehi untuk pencapaian akademik keputusan ujian bulanan daripada pihak pentadbir sekolah telah diberi pemarkahan wajaran supaya dapat golongkan sample kepada tahap pencapaian akademik rendah, sederhana, dan tinggi.

Empat matapelajaran telah dipilih dan gred matapelajaran tersebut telah diberi markah wajaran. Gred A1 diberi markah wajaran 9, gred A2 diberi markah wajaran 8, gred B3 diberi wajaran 7, gred B4 diberi wajaran 6, gred C5 diberi wajaran 5, gred C6 diberi wajaran 4, gred D7 diberi wajaran 3, gred D8 diberi wajaran 2 dan akhir sekali gred E diberi wajaran 1. bagi keputusan tertinggi wajaran 9 diberi dan bagi keputusan terendah wajaran 1

telah diberi. Jadi seseorang pelajar boleh mendapat skor maksimum 36 dan skor minimum 4.

Jumlah skor bagi setiap sample telah dibahagi dengan bilangan matapelajaran yang diambil untuk mendapatkan purata gred atau skor dan seterusnya digolongkan kepada 3 tapah pencapaian akademik.

Purata skor 9, 8 dan 7 dikategorikan sebagai pencapaian akademik tinggi, purata skor 6, 5 dan 4 pula sebagai pencapaian akademik sederhana dan purata skor 3, 2 dan 1 sebagai pencapaian akademik rendah seperti dalam jadual dibawah:

Tapah Pencapaian Akademik	Purata skor wajaran
Tinggi	9
	8
	7
Sederhana	6
	5
	4
Rendah	3
	2
	1

Jadual 3.3: Tahap pencapaian akademik dan purata skor wajaran.

Oleh kerana sampel kajian adalah semua pelajar Tingkatan Empat; ini termasuk aliran Sastera dan Sains, maka hanya markah bagi empat matapelajaran sahaja iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejerah digunakan bagi tujuan kajian. Tujuan pemilihan empat matapelajaran ini adalah kerana kesemua sampel wajib mengambil keempat-empat matapelajaran itu. Oleh itu ia akan memberikan keputusan penyelidikan yang relevan bagi tujuan perbandingan.

Bagi mengkaji hubungan tahap disiplin dengan jantina serta hubungan tahap disiplin dengan pencapaian akademik frekuansi dan peratusan telah digunakan untuk ‘Crosstabulation’ bagi mendapatkan nilai signifikan melalui Ujian Khi kuasa.